

**“ISTERI SEMENTARA”: PERSELISIHAN  
PENDAPAT ULAMA MENGENAI NIKAH  
MUT‘AH DALAM MAZHAB SUNNI DAN  
SYIAH**

**“Temporary Wife”: The Differences of Jurists’  
Opinions Regarding *Mut‘ah* Marriage in Sunni  
and Shi‘a Schools of Jurisprudence**

Zanariah Noor \*

**ABSTRACT**

*Acquiring a temporary wife by contracting a mut‘ah marriage is a controversial issue between the Sunnis and Shi‘as. The Sunnis agree that mut‘ah was permitted by the Prophet at certain points during His lifetime, but, in the end, it was prohibited completely. Those who practiced mut‘ah marriage are considered as committing illegal intercourse (zina). In contrast, the Shi‘as maintain that the Prophet did not ban the practice, and having established its legality, they go to great lengths in developing the jurisprudence of mut‘ah marriage within the imamiyah school of jurisprudence, laying out the rules and regulations in respect of mut‘ah marriage. The Shi‘a generally praise the mut‘ah institution as a solution to problems that can be caused by unchecked human sexual urges and needs. Mut‘ah marriage is seen as a legitimate and progressive way to deal with the sexual nature of human beings, while preserving Islamic values. To emphasise such practices, they claimed that practicing mut‘ah marriage is a way to complement*

---

\* Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, zanariah@fsk.upsi.edu.my

*the religious commitment of a Muslim, and those who do not practice it are considered as lacking in implementing their religious duties. This claim is a stark contrast to the Sunni view who consider mut'ah practice as zina. The purpose of this article is to trace the origin of this divergence between Sunni and Shi'a law by highlighting the sources and arguments from both sides as well as highlighting the differences in terms of 'aqd and effects arising from mut'ah and Islamic marriage.*

**Keywords:** *Islamic Marriage, Mut'ah Marriage, Differences of Jurist's Views, Sunni School of Jurisprudence, Shi'a School of Jurisprudence*

## PENDAHULUAN

Nikah *mut'ah* atau juga disebut sebagai nikah sementara bagi maksud mendapatkan hubungan seksual semata-mata adalah antara isu kontroversi yang sering dikaitkan dengan perbezaan pandangan antara ulama mazhab sunni dan Syiah. Mazhab Syiah Imamiyah (*ithnā 'asyar*) mengiktiraf akad nikah *mut'ah* sebagai sah. Manakala mazhab sunni (Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali) dan mazhab Syiah Fatimiyah, Zaidiyah dan Ismailiyah sebaliknya mengatakan akad nikah *mut'ah* adalah tidak sah.<sup>1</sup> Walaupun akad nikah berkenaan sifatnya tidak kekal, bagi mendapatkan “isteri sementara” dalam tempoh tertentu, namun penggunaan istilah *mut'ah* yang merujuk kepada “menikmati hubungan kelamin” lebih popular digunakan kerana terma ini digunakan dalam hadis, athar dan perbahasan dalam kalangan ulama mazhab fiqh. Perbezaan pandangan antara mazhab Syiah Imamiyah dengan sunni adalah disebabkan perbezaan tafsiran nas al-Quran dan perbezaan penerimaan hadis dan athar yang diterima dalam kalangan mazhab sunni dan Syiah.

---

<sup>1</sup> Asaf A.A Fyze, *Outlines of Muhammadan Law* (edited and revised by Tahir Mahmood), (New Delhi: Oxford University Press, 2008), 88; Jamal J. Nasir, *The Islamic Law of Personal Status* (Leiden, Boston: Brill, 2009), 59.

Perbezaan pegangan antara sunni dan Syiah memberi kesan kepada persepsi dan ruang kepada pengamalan amalan ini dalam kalangan masyarakat Islam yang berpegang dengan mazhab sunni dan pengikut mazhab Syiah. Mereka yang mengamalkan nikah *mut‘ah* dalam kalangan mazhab sunni dianggap telah melakukan perbuatan zina. Manakala bagi pengikut Syiah, mereka menganggap nikah *mut‘ah* sebagai sesuatu yang dibenarkan dalam Islam, bahkan mereka menganggapnya sebagai sesuatu yang melengkapkan tahap komitmen mereka kepada agama.

### **ISU NIKAH *MUT‘AH* DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM SUNNI DAN SYIAH**

Tradisi pegangan mazhab Syafii dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia dikejutkan dengan amalan nikah *mut‘ah* yang semakin menular dan berjaya mempengaruhi segelintir masyarakat Melayu. Menurut Mohamad Ismail, Ketua Unit Kajian Syiah Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), kajian menunjukkan ramai wanita Melayu terutamanya pelajar-pelajar yang telah terlibat dengan nikah *mut‘ah*. Antaranya disebabkan oleh pengaruh lelaki dari negara Iran yang belajar di universiti-universiti tempatan.<sup>2</sup> Disebabkan status nikah *mut‘ah* yang hanya memfokuskan kepada ruang memenuhi keperluan kepada hubungan kelamin, dan bukan berasaskan matlamat pembentukan keluarga secara normal dan terhormat, wanita-wanita yang terlibat terdedah kepada penganiayaan kerana tidak mendapat hak-hak sebagai isteri bagi mendapatkan nafkah dan pewarisan. Bahkan, anak yang dilahirkan berhadapan dengan risiko untuk dinafikan hak sebagai anak sah taraf kerana proses penafian anak yang lahir bagi anak nikah *mut‘ah* tidak memerlukan proses *li‘an*.<sup>3</sup> Apatah lagi apabila pernikahan mereka tidak didaftarkan mengikut undang-undang negara.

---

<sup>2</sup> “Nikah *mut‘ah* semakin banyak berlaku dalam masyarakat,” <http://www.ismaweb.net/2013/10/>, diakses pada 2 Mei 2014.

<sup>3</sup> Masalah anak yang dilahirkan melalui hubungan dalam nikah *mut‘ah* yang berlaku di Bangi, yang mana lelaki syiah (Iran) enggan menasabkan anak tersebut kepada namanya. Portal Islam & Melayu, <http://www.ismaweb.net/2013/10/>, diakses pada 2 Mei 2014.

Nikah *mut'ah* yang dipraktikkan di Malaysia lazimnya dilakukan secara sembunyi, kerana matlamat utama adalah hubungan seksual dan bukan berasaskan pembinaan keluarga. Oleh itu, akad nikahnya tidak memerlukan saksi dan wali. Tanpa wali, saksi dan pengiktirafan pihak berkuasa bahawa wujudnya akad nikah yang sah dalam Islam, wanita-wanita yang terlibat dan juga anak-anak yang dilahirkan melalui hubungan tersebut bakal berdepan dengan pelbagai masalah disebabkan ketiadaan perlindungan undang-undang.

Fenomena nikah *mut'ah* turut mencetuskan kebimbangan masyarakat Islam di Negara Indonesia. Contohnya sebagaimana yang terjadi dan berkembang dalam kalangan masyarakat Blitar Jawa Tengah dan Bogor Jawa Barat yang melibatkan perkahwinan *mut'ah* antara pelancong asing dengan wanita-wanita tempatan.<sup>4</sup> Pelancong-pelancong dari Timur Tengah menikahi pelacur-pelacur wanita Indonesia secara *mut'ah* atas alasan mereka tidak mahu terlibat dalam perhubungan seksual secara haram. Oleh itu, mereka memilih untuk menikahi pelacur-pelacur berkenaan buat seketika waktu dengan bayaran tertentu bagi memenuhi kehendak seksual mereka. Isteri-isteri sedia ada yang telah mereka nikahi tidak mencukupi bagi memenuhi kehendak naluri mereka. Justeru, mereka memilih untuk melakukan hubungan seksual secara “halal” dengan menikahi pelacur-pelacur.<sup>5</sup> Wanita-wanita tempatan pula bersetuju untuk bernikah dengan pelancong-pelancong asing atas alasan desakan hidup.<sup>6</sup>

Antara hujah yang digunakan oleh golongan yang menyokong amalan nikah *mut'ah*, ialah ia perlu wujud dalam masyarakat Islam bagi menjaga masalah lelaki yang mempunyai kehendak seksual yang tidak memadai dengan isteri-isteri yang dinikahi secara kekal. Pengharaman nikah *mut'ah* boleh menyebabkan mereka terjebak ke dalam lembah perzinaan yang merosakkan keturunan umat

---

<sup>4</sup> Baidhowi, HB, “Maraknya Nikah Mut'ah di Indonesia: Sebuah Penomena Hukum,” <http://www.ms-aceh.go.id/informasi-umum/artikel/124-maraknya-nikah-mutah-di-indonesia.html>, diakses pada 29 Oktober 2014.

<sup>5</sup> “Fenomena Kawin Mut'ah Para Pria Arab di Puncak”, [www.youtube.com/watch?v=3SSDoF1nJv0](http://www.youtube.com/watch?v=3SSDoF1nJv0), diakses pada 29 Oktober 2014.

<sup>6</sup> “Kawin Kontrak di Puncak,” [www.youtube.com/watch?v=5780eLXOVXNs](http://www.youtube.com/watch?v=5780eLXOVXNs), diakses pada 29 Oktober 2014.

Islam. Nikah *mut‘ah* diperkenalkan bagi meminimalkan keburukan yang berlaku akibat hawa nafsu lelaki. Jika tidak disalurkan secara halal mereka akan mencari cara lain yang haram.<sup>7</sup>

Oleh sebab itu, adalah sesuatu yang tidak mengejutkan apabila amalan nikah *mut‘ah* ini dilakukan dengan meluas oleh masyarakat Islam di Iran yang bermazhab Syiah Imamiyah dan turut mempengaruhi mereka yang berfahaman sunni, sama ada atas nama agama atau atas dasar memenuhi kehendak shahwat. Antara alasan yang dikemukakan oleh golongan muda masyarakat Islam bermazhab Syiah yang tinggal di Barat, mereka mengamalkan nikah *mut‘ah* sebagai cara awal untuk memastikan keserasian hidup bersama dengan pasangan. Pada masa yang sama memenuhi keperluan shahwat antara pasangan yang terlibat. Mereka menjustifikasikan pilihan hidup cara Barat atas nama agama dengan mengamalkan nikah *mut‘ah* yang dikatakan dibenarkan dalam Islam. Persepsi mereka mengenai nikah *mut‘ah* ini dapat difahami dari kata-kata seorang wanita bermazhab syiah yang berasal dari Pakistan:

“Ia [nikah *mut‘ah*] memberi ruang kepada kami untuk berjumpa tanpa melanggar batasan syariah. Kami berdua sama-sama ingin keluar bertemu janji, keluar makan malam atau keluar membeli belah bersama-sama dan saling mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat sebelum membuat keputusan berkahwin, dan tanpanya [nikah *mut‘ah*] kami tidak mungkin mampu melakukan semua itu.”<sup>8</sup>

[Terj. Penulis]

Jika didapati pasangan tersebut sesuai untuk dinikahi dalam nikah yang kekal, mereka akan meneruskan hasrat mereka hidup bersama dengan melakukan akad nikah kekal sebaik tempoh nikah *mut‘ah* tamat. Bagi yang merasakan pasangan tersebut tidak sesuai, mereka berpisah sebaik sahaja tempoh tamat. Amalan ini, hakikatnya tiada perbezaan dengan amalan “bersekedudukan”

<sup>7</sup> Muḥammad Ḥusayn Ṭabāṭabā’ī, *Syī‘a* (trans. Sayyid Ḥusayn Naṣr), (Qum: Ansariyan Publications, 2001), 229-30.

<sup>8</sup> “I do...for now. UK Muslims revive temporary marriages,” <http://www.bbc.co.uk/news/uk-22354201>, diakses pada 2 Mei 2014.

yang diamalkan oleh masyarakat Barat sebelum mereka membuat keputusan untuk berkahwin.<sup>9</sup>

Amalan nikah *mut'ah* memberi ruang kepada berlakunya “pelacuran” atas nama agama. Khidmat seks yang diberikan kepada lelaki dengan imbuhan bayaran dalam pelacuran tidak membezakannya dengan nikah *mut'ah* yang menggunakan metod yang sama, yang berbeza hanyalah akad sahaja.<sup>10</sup> Tindakan kerajaan Iran mendirikan bangunan khusus bagi menempatkan pasangan nikah *mut'ah* untuk bersama adalah salah satu usaha membasmi masalah rogol dan percampuran luar batasan antara lelaki dan wanita. Ianya dilihat seumpama mendirikan rumah-rumah pelacuran yang berlesen dan “halal.”<sup>11</sup>

## MAKSUD NIKAH *MUT'AH*

Akad nikah *mut'ah* merujuk kepada kontrak persendirian antara lelaki dengan wanita untuk hidup bersama dalam tempoh tertentu dengan bayaran yang diberikan oleh lelaki kepada wanita berkenaan

---

<sup>9</sup> Satu dokumentari mengenai nikah *mut'ah* dalam kalangan orang muda beragama Islam di United Kingdom pernah disiarkan yang menunjukkan semakin ramai golongan ini memilih untuk mengamalkan nikah *mut'ah*. “Married for a Minute”, BBC, diakses pada 13 Mei 2013; “UK Muslim Test the Waters With Temporary Marriage,” [www.youtube.com/watch?v=tSUfKIX-cys](http://www.youtube.com/watch?v=tSUfKIX-cys), diakses pada 2 Mei 2014.

<sup>10</sup> “Britain: Islamic Temporary Marriage on Rise,” <http://www.gatestoneinstitute.org/3748/uk-islamic-temporary-marriages>, diakses pada 2 Mei 2014.

<sup>11</sup> “Iran Permits Brothels Through Temporary Marriage,” <http://www.albawaba.com/behind-news/iran-permits-brothels-through-temporary-marriages>, diakses pada 2 Mei 2014; “Temporary Marriage in Iran,” <http://globalsolutionspgh.org/2012/09/temporary-marriage-in-iran/>, diakses pada 2 Mei 2014.; Tamilla F. Ghodsi, “Tying a Slipknot,” *Michigan Journal of International Law* 15 (1994): 645; Fyzee, *Outlines of Muhammadan Law*, 87.

sebagai imbalan kepada hubungan seksual.<sup>12</sup> Istilah nikah *mut‘ah* juga adakalanya menggunakan terma yang menggambarkan statusnya yang bersifat sementara iaitu, *al-nikāḥ al-mu‘aqqat*.<sup>13</sup>

Majoriti fuqaha mazhab sunni berpendapat nikah *mut‘ah* dan nikah *mu‘aqqat* adalah sama.<sup>14</sup> Namun terdapat sesetengah fuqaha mazhab Hanafi cuba membezakan antara nikah *mut‘ah* dengan nikah *mu‘aqqat*. Atas dasar bahawa nikah *mu‘aqqat* adalah nikah yang dilakukan seperti biasa dengan sedikit perbezaan dengan penambahan yang menunjukkan ianya bersifat sementara. Begitu juga, syarat saksi diperlukan bagi nikah *mu‘aqqat* tetapi tidak diperlukan bagi nikah *mut‘ah*.<sup>15</sup>

Mengikut Imam Zufar Ibn Huzayl seorang ulama mazhab Hanafi berpendapat pernikahan yang disertakan syarat berwaktu (nikah *mu‘aqqat*) hukumnya sah, tetapi syarat *fāsīd*. Nikah berkenaan memberi kesan sebagaimana nikah yang tidak berwaktu (berkekalan). Syarat berwaktu itu tidak sah untuk diambil kira kerana ianya sama dengan nikah *mut‘ah* yang telah pun diharamkan. Contohnya apabila seorang lelaki mengatakan kepada seorang wanita, “aku ingin menikah dengan kamu dengan syarat aku akan menceraikan kamu selepas sebulan,” dan wanita berkenaan menjawab: “aku terima,” akad nikah adalah sah, tetapi syarat (iaitu perceraian selepas sebulan) adalah tidak sah, dan akad nikah berkekalan dan diteruskan.<sup>16</sup> Antara alasan lain yang dikemukakan oleh Zufar Ibn Huzayl, nikah *mu‘aqqat* tidak

<sup>12</sup> Abdurraghiem Sallie, *The Book on Muslim Marriage* (New Delhi: Islamic Book Service, 2001), 120; Fyzee, *Outlines of Muhammadan Law*, 87; Sachiko Murata, *Temporary Marriage (Mut‘a) in Islamic Law* (Qum: Ansariyan Publication, 1991), 27.

<sup>13</sup> Muḥammad Jawād Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Šādiq: ‘Aqd wa Istidlāl* (Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 5 vols., 1965), 247.

<sup>14</sup> Abdurraghiem Sallie, *The Book on Muslim Marriage*, 120; Muḥammad Abū Zuhrah, *Muḥāḍarat fī ‘Aqd al-Ziwāj wa Atharuhu* (t. t.p.: Jāmi‘at al-Duwal al-‘Arabiyyah, 1958), 79.

<sup>15</sup> Muḥammad ‘Abd al-Raḥman Syamīlah al-Ahdal, *Nikāḥ al-Mut‘ah Dirāsah wa Tahqīq* (Dimasyq: Mu‘assasah al-Khāfiqīn wa Maktabatuhā, 1983), 94.

<sup>16</sup> Muḥammad Abū Zuhrah, *Muḥāḍarat fī ‘Aqd al-Ziwāj*, 79-80; Tauqir Muhammad Khan & M.H Syed, *Law of Marriage and Divorce in Islam* (New Delhi: Pentagon Press, 2007), 40.

sama dengan nikah *mut'ah* kerana nikah *mu'qqat* menggunakan lafaz "*al-inkāh*" atau "*al-tazwīj*" dan tidak menggunakan lafaz "*tamattu*" yang digunakan dalam nikah *mut'ah*.<sup>17</sup> Imam Abu Hanifah mengatakan jika tempoh yang disebutkan dalam akad adalah tempoh yang tidak mungkin kedua belah pihak masih hidup, akad nikah adalah sah kerana ia membawa maksud *mu'abbad*.<sup>18</sup>

Majoriti mazhab sunni, termasuk pendapat *rājih* dalam mazhab Hanafi walau bagaimanapun berpendapat nikah *mu'qqat* adalah tidak dibenarkan, kerana ianya juga seperti nikah *mut'ah* kerana implikasinya juga adalah sama.<sup>19</sup> Mana-mana penambahan dalam akad nikah yang menunjukkan wujudnya elemen sementara menyebabkan akad nikah berkenaan tidak sah serta merta, kerana ianya bertentangan dengan prinsip asas akad nikah yang menunjukkan hasrat ianya akad yang berkekalan, tanpa mengambil kira sama ada lafaz yang digunakan adalah *mut'ah* atau selainnya.<sup>20</sup>

## ASAS KEHARUSAN NIKAH *MUT'AH* PADA ZAMAN AWAL ISLAM

Kesemua mazhab dalam Islam, sunni atau Syiah sepakat tentang keharusan amalan nikah *mut'ah* pada zaman awal Islam. Walau bagaimanapun mereka berbeza pendapat tentang nasaknya hukum berkenaan. Mazhab sunni mengatakan, keharusan nikah *mut'ah* telah dinasakhkan dan telah diharamkan buat selamanya. Sebaliknya mazhab Syiah Imamiyah mengatakan nikah *mut'ah* tidak dinasakhkan dan masih sah untuk diamalkan oleh umat Islam. Walau bagaimanapun, hanya mazhab Syiah Imamiyah sahaja yang berpegang dengan pandangan ini, manakala mazhab Syiah

---

<sup>17</sup> Aḥmad al-Ḥuṣrī, *al-Nikāḥ wa al-Qaḍāyā al-Muta'alliqah bihi* (Cairo: al-Qāhirah al-Hadīthah li al-Ṭibā'ah, 1967), 167.

<sup>18</sup> Diriwayatkan oleh al-Ḥasan, murid al-Imām Abū Ḥanīfah dalam *Kitāb Tabyīn al-Haqā'iq* oleh al-Zayla'ī. Sila rujuk dalam Muḥammad Abū Zuhrah, *Muḥāḍarat fī 'Aqd al-Ziwāj wa Atharuhu*, 79.

<sup>19</sup> Muḥammad Abū Zuhrah, *Muḥāḍarat fī 'Aqd al-Ziwāj wa Atharuhu*, 79 & 80.

<sup>20</sup> Al-Ḥuṣrī, *al-Nikāḥ wa al-Qaḍāyā al-Muta'alliqah bihi*, 168.



Zaydiyah, Fatimiyah dan Ismailiyah sependapat dengan mazhab sunni bahawa nikah *mut‘ah* adalah haram dan tidak sah.<sup>21</sup>

Nas al-Quran yang menjadi titik perbezaan bagi kedudukan hukum nikah *mut‘ah* antara mazhab sunni dan Syiah Imamiyah adalah surah al-Nisā’ ayat 24 yang diberikan tafsiran berbeza.

وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَأُحِلَّ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكَ أَنْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسْفِحِينَ<sup>٤</sup> فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ<sup>٥</sup> مِنْهُنَّ فَعَاتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ<sup>٦</sup> فَرِيضَةً<sup>٧</sup> وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَضَيْتُمْ بِهِ<sup>٨</sup> مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ<sup>٩</sup> إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: “Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki (haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu. Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu untuk kamu mencari (isteri) dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya, (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maskahwinnya (dengan sempurna) sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah). Dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan maskahwin itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Ayat di atas didahului dengan kategori wanita yang dilarang dikahwini disebabkan nasab, penyusuan, *muṣāharah* (ayat 23) dan

<sup>21</sup> Fyzee, *Outlines of Muhammadan Law*, 88; Jamal J. Nasir, *The Islamic Law of Personal Status* (Leiden, Boston: Brill, 2009), 59.

termasuklah yang dilarang kahwin, iaitu isteri orang. Lelaki walau bagaimanapun dibenarkan membuat hubungan kelamin dengan hamba perempuan yang mereka miliki ataupun dengan mana-mana wanita lain yang baik-baik (*muḥsinīn*) yang mereka kahwini, iaitu wanita-wanita yang bukan terdiri dari kalangan pezina (*ghayr musāfihīn*).<sup>22</sup> Menurut al-Ṭabarī ayat (فَمَا اسْتَمَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ) merujuk kepada hubungan kelamin dengan isteri yang dinikahi secara sah,<sup>23</sup> dan ayat (فَتَأْتُوهُنَّ أَجْرَهُنَّ مِمَّا كَرِهَتْ) bermaksud “berikanlah kepada mereka mahar (*ṣaduqāt*) sebagai satu kewajipan.”<sup>24</sup> Ahli-ahli tafsir mazhab sunni lain juga memberikan tafsiran yang seumpama sebagaimana al-Ṭabarī dalam menghuraikan ayat tersebut.<sup>25</sup>

Ayat (وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ) dalam tafsiran al-Ṭabarī adalah berkait dengan pernikahan kekal, yang mana suami yang kurang berkemampuan boleh mengurangkan kadar mas kahwin dengan persetujuan bersama.<sup>26</sup> Manakala, bagi golongan yang menafsirkan ayat ini merujuk kepada keharusan nikah *mut‘ah* mengatakan ayat ini menunjukkan keharusan kepada pihak-pihak dalam nikah *mut‘ah* untuk menambah upah dan memanjangkan tempoh nikah melebihi dari apa yang dipersetujui ketika akad nikah *mut‘ah* dilakukan.<sup>27</sup>

Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan amalan nikah *mut‘ah* pernah diamalkan pada awal Islam. Jābir bin ‘Abd Allah diriwayatkan berkata: “Kami pernah mengamalkan *mut‘ah* dengan bayaran segenggam kurma dan gandum (*kunnā nastamti‘ bi al-qubḍah min al-tamr wa al-daqīq*) untuk beberapa hari pada

<sup>22</sup> Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī* (Miṣr: Dār al-Ma‘ārif, 8 vols., t. t.), 174-5.

<sup>23</sup> Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 175.

<sup>24</sup> Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 175-6.

<sup>25</sup> Contohnya tafsiran yang diberikan oleh Rasyīd Riḍā, *Mukhtaṣar Tafsīr al-Mannār* (Ta‘līq: Muḥammad Aḥmad Kan‘ān), (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 2 vols., 1984), 47-8; Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī* (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 5 vols., 1974), 4-7; Abī al-Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm* (Bayrūt: Dār al-Andalus, 2 vols., 1966), 242-244.

<sup>26</sup> Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 180.

<sup>27</sup> *Ibid*, 180-181.

zaman Rasulullah dan Abu Bakar, sehinggalah ‘Umar al-Khaṭṭāb melarangnya disebabkan kejadian ‘Amr bin Ḥurayth.”<sup>28</sup>

Berdasarkan kepada penelitian hadis, keharusan nikah *mut‘ah* bukan merupakan satu prinsip umum. Bahkan ia dikaitkan dengan beberapa peristiwa yang berlaku; 1) apabila berada dalam tempoh peperangan; 2) apabila wanita yang ada sedikit bilangannya atau lelaki belum berkahwin disebabkan kesukaran hidup; dan 3) apabila bermusafir ke tempat jauh di kawasan yang asing tiada kenalan.

Pertama, keharusan nikah *mut‘ah* pada zaman awal Islam dikaitkan ketika para sahabat terlibat dalam peperangan, iaitu ketika golongan lelaki terpisah dari isteri masing-masing yang ditinggalkan di rumah. Manakala suami terlibat dalam peperangan menentang golongan musyrikin. Ini digambarkan melalui hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allah Ibn Mas‘ūd yang mengatakan: “Kami terlibat dalam peperangan bersama Rasulullah, dan kami tidak ada isteri. Dan kami berkata: “Adakah boleh kami memberi diri kami?” Nabi Muhammad melarang kami melakukannya, dan kemudiannya memberi rukhsah (kelonggaran) kepada kami dengan membenarkan kami menikahi wanita dengan sehelai kain bagi tempoh masa yang tertentu (*thumma rakhkhaṣa lanā ‘an nankiḥa al-mar‘ah bi al-thawb ilā ajal*).<sup>29</sup> Diriwayatkan juga bahawa, bagi memaklumkan tentang keharusan nikah *mut‘ah* ini, Rasulullah SAW pernah menghantar ‘pemberitahu’ (*munādī*) bagi mewar-warkannya dalam kalangan umat Islam.<sup>30</sup> Terdapat hadis yang diriwayatkan bahawa nikah *mut‘ah* diharuskan dengan sebab kerisauan dan pertarungan umat Islam (*li khawfinā wa li*

---

<sup>28</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 16, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah, Kitāb al-Nikāḥ (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2 vols., 1978), 1023.

<sup>29</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *Musnad*, Hadith no. 3986, (Miṣr: Dār al-Ma‘ārif, 6 vols., 1948), 37; Muḥy al-Dīn Abī Zakariyā Yahyā bin Syarf al-Nawawī, *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 1404, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah (Bayrūt: Dār al-Qalam, 9 vols., 1986), 189.

<sup>30</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 13, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah, 1022; al-Nawawī, *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 1405, Kitāb al-Nikāḥ, Bab Nikāḥ al-Mut‘ah, 190.

*ḥarbinā*),<sup>31</sup> berkemungkinan merujuk kepada nikah *mut'ah* yang boleh mendorong mereka lebih bersemangat dan memberi fokus dalam peperangan selepas keperluan dan hajat dipenuhi melalui nikah *mut'ah*.

Kedua, apabila wujud keadaan yang mana wanita tidak didapati disebabkan lelaki tidak berkahwin kerana kesukaran hidup, juga boleh menyebabkan nikah *mut'ah* dibenarkan atas dasar *rukḥṣah* (kelonggaran). Sebagaimana *rukḥṣah* melakukan benda yang haram dalam keadaan *ḍarūrat* seperti harus memakan bangkai, darah dan babi dalam keadaan *ḍarūrat*. Abī Jamrah meriwayatkan, dia mendengar kata-kata Ibn 'Abbās apabila ditanya oleh seorang lelaki mengenai nikah *mut'ah*, Ibn 'Abbās mengatakan ianya adalah *rukḥṣah* ketika dalam keadaan yang sangat-sangat sukar dan kerana (*qillah al-nisā'*) kekurangan wanita.<sup>32</sup> Alasan keperluan (*ḥājah*) disertakan dengan ketiadaan (atau sedikit) apa yang diperlukan (*qillah al-syay'*) yang menyebabkan keharusan nikah *mut'ah* pada ketika itu merujuk hadis bahawa Rasulullah SAW memberi *rukḥṣah* nikah *mut'ah* kerana terlalu ramai umat Islam tidak berkahwin pada ketika itu, tetapi baginda kemudiannya melarang nikah *mut'ah*.<sup>33</sup> Tetapi apabila Khaybar ditawan oleh umat Islam, dan kemudian harta semakin mudah diperolehi oleh umat Islam, maka adalah munasabah nikah *mut'ah* dilarang. Ini menunjukkan nikmat Allah yang memberi kemudahan dan kesenangan sesudah mengalami kesukaran dan kepayahan.<sup>34</sup>

Ketiga, nikah *mut'ah* dibenarkan bagi orang yang bermusafir jauh dari negeri asal. Contohnya, seorang lelaki yang musafir ke tempat yang jauh dan tidak mempunyai kenalan di tempat baharu diharuskan bernikah secara *mut'ah* bagi tempoh masa selama mana dia anggarkan berada di tempat berkenaan. Dengan adanya wanita yang dinikahi itu, dia boleh menjaga dan menguruskan

---

<sup>31</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Riyād: Dār al-Salām, 9 vols., 2000), 215; Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Syawkānī, *Nayl al-Awtār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 6 vols., 1999), 142.

<sup>32</sup> Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis no. 52, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nahā Rasulullah SAW 'an Nikāḥ al-Mut'ah Ākhiran (Cairo: al-Ṭibā'ah al-Muniriyyah, 7 vols., 1930), 21.

<sup>33</sup> Al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 214; al-Syawkānī, *Nayl al-Awtār*, 142.

<sup>34</sup> Al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 214.

harta kepunyaan lelaki berkenaan disamping berguna juga untuk perkara-perkara lain.<sup>35</sup>

Sheikh Abdurraghiem Sallie berpendapat, alasan mengapa nikah *mut‘ah* diharuskan pada zaman awal Islam, ialah kerana pada ketika itu bilangan orang Islam masih sedikit dan mereka sentiasa perlu mengikuti peperangan menentang golongan kuffar. Ketika itu, merupakan zaman yang sukar bagi masyarakat Islam untuk meneruskan kehidupan secara normal apalagi kehidupan berumah tangga. Tambahan pula, harta dan wang untuk menyara nafkah hidup amat susah diperolehi. Oleh itu, nikah *mut‘ah* dilihat sebagai bersesuaian pada zaman itu, bagi memudahkan urusan umat Islam, terutama ketika dalam tempoh peperangan. Walaupun saranan berpuasa dinyatakan dalam hadis bagi mengekang hawa nafsu, tetapi ini akan melemahkan fizikal tentera-tentera Islam yang terpaksa berperang dengan golongan musyrikin yang mengatasi bilangan tentera Islam. Oleh sebab itu, nikah *mut‘ah* diharuskan pada zaman tersebut.<sup>36</sup>

## **PENGHARAMAN NIKAH *MUT‘AH* MENGIKUT MAZHAB SUNNI**

Terdapat beberapa riwayat hadis yang menunjukkan, Rasulullah SAW sendiri yang mengharamkannya tanpa menyatakan bilakah

---

<sup>35</sup> Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmīzī, *Sunan al-Tirmīzī*, hadis no. 1122, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Jā’a fi Taḥrīm Nikāḥ al-Mut‘ah (Miṣr: Maktabah al-Bābī al-Ḥalabī, 3 vols., 1956), 430.

<sup>36</sup> Abdurraghiem Sallie, *The Book on Muslim Marriage*, 121-122.

tarikh pengharaman tersebut.<sup>37</sup> Dalam satu riwayat lain melalui ‘Alī bin Abī Ṭālib, dia mengatakan bahawa Rasulullah SAW mengharamkan nikah *mut‘ah* pada hari Khaybar, iaitu pada hari yang sama Rasulullah SAW mengharamkan memakan daging keldai yang dipelihara.<sup>38</sup> Manakala, dalam riwayat hadis yang lain, Rasulullah SAW mengharamkan nikah *mut‘ah* pada hari pembukaan Mekah,<sup>39</sup> dan dalam hadis lain, pengharaman dilakukan oleh Rasulullah SAW berlaku pada hari *hujjah al-wadā’*.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> Abī Dawud, *Sunan*, hadis no. 2073, Kitāb al-Nikāh, Bāb fī Nikāh al-Mut‘ah (Hims: Muḥammad ‘Alī al-Sayyid, 2 vols., 1971), 559-60; Dalam Syarḥ Muslim diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Wahai manusia! Aku telah izinkan kamu nikah *mut‘ah* dengan wanita, dan sesungguhnya Allah telah mengharamkannya sehingga hari kiamat. Maka sesiapa yang ada di sisinya wanita-wanita *mut‘ah*, maka lepaskanlah mereka, dan jangan sekali-kali kamu mengambil semula harta yang kamu berikan kepada mereka walaupun sedikit.” Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 21, Bāb Nikāh al-Mut‘ah, Kitāb al-Nikāh, 1025; Dalam *Saḥīḥ al-Bukhārī*, diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah membenarkan para sahabat menikah *mut‘ah*. Terpulang kepada mereka sama ada ingin menambah tempoh nikah atau menamatkan apabila sampai tempoh, tetapi hukum berkenaan telah dimansuhkan. Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 53, Kitāb al-Nikāh, Bāb Nahā Rasulullah SAW ‘an Nikāh al-Mut‘ah Ākhiran, 21-2.

<sup>38</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, hadis no. 51, Kitāb al-Nikāh, Bāb Nahā Rasulullah SAW ‘an Nikāh al-Mut‘ah Ākhiran, 21; al-Tirmīzī, *Sunan*, hadis no. 1121, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jā’a fī Taḥrīm Nikāh al-Mut‘ah, 429-30; Mālik bin Anas, *Muwattā’*, hadis no. 1140, Kitāb al-Nikāh, Bāb Nikāh al-Mut‘ah, 369; al-Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 29, 30, 31, 32, Kitāb al-Nikāh, Bāb Nikāh al-Mut‘ah, 1027-8.

<sup>39</sup> Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* diriwayatkan pengharaman berlaku di Autās, iaitu wadi di Tā’if merujuk kepada tahun pembukaan Mekah. Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis nombor 18, Kitāb al-Nikāh, Bāb Nikāh al-Mut‘ah, 1023; Hadis yang menunjukkan pengharaman *mut‘ah* berlaku ketika pembukaan Mekah juga dapat dirujuk dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 20, 22, 23, 25 dan 26 di halaman 1024-6.

<sup>40</sup> Abī Dāwud, *Sunan*, hadis no. 2072, Kitāb al-Nikāh, Bāb fī Nikāh al-Mut‘ah, 558-9; al-Ḥāzimī, *Kitāb al-I’tibār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār* (Hyderabad: Dār al-Ma‘ārif, 1359H/1940), 176.

Terdapat juga riwayat yang menyatakan pengharaman berlaku pada hari Tabuk. Ketika umat Islam bersama-sama Rasulullah SAW sampai di Tabuk, persinggahan ketika dalam perjalanan menuju ke Tabuk untuk berperang, mereka dikelilingi oleh wanita-wanita (*yaṭufnā fī riḥālinā*), iaitu lelaki yang pernah menikahi mereka secara *mut‘ah*. Apabila Rasulullah SAW melihat peristiwa itu, baginda bertanya siapakah wanita-wanita berkenaan. Apabila mendengar penjelasan bahawa mereka adalah wanita-wanita yang pernah dinikahi secara *mut‘ah* oleh para sahabat yang hadir ketika itu, Rasulullah SAW naik marah sehingga kelihatan merah matanya dan seterusnya baginda membuat perisytiharan melarang nikah *mut‘ah*.<sup>41</sup> Dalam riwayat yang lain melalui Abū Hurayrah, ketika singgah di Thaniyah al-Wadā‘, baginda terlihat nyalaan api dan mendengar wanita-wanita menangis. Apabila diberitahu bahawa wanita-wanita berkenaan pernah dinikahi secara *mut‘ah* oleh para sahabat, baginda bersabda bahawa nikah *mut‘ah* diharamkan (dimusnahkan) dengan pernikahan, perceraian dan pewarisan (*hadama al-mut‘ah al-nikāḥ wa al-ṭalāq wa al-mīrāth*).<sup>42</sup>

Hakikat bahawa berlakunya pengulangan keharusan dan pengharaman diakui oleh para ulama mazhab sunni, dan ini bukan menunjukkan wujudnya pertentangan hadis. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī merujuk pandangan al-Nawawī mengatakan bahawa hukum diharuskan nikah *mut‘ah* berlaku beberapa kali dan pengharamannya juga berlaku beberapa kali. Sebelum hari Khaybar nikah *mut‘ah* dibenarkan dan diharamkan pada hari Khaybar. Kemudiannya dibenarkan semula pada hari *al-Fath* (pembukaan Mekah), dan akhirnya diharamkan secara mutlak buat selama-lamanya.<sup>43</sup> Ada pendapat yang mengatakan perisytiharan mengenai pengharaman nikah *mut‘ah* berlaku ketika *ḥujjah al-wadā‘* adalah bertujuan menyampaikannya kepada khalayak yang belum mengetahui status pengharaman yang dilakukan sebelum ini.<sup>44</sup> Merujuk pengulangan hukum keharusan dan pengharaman nikah *mut‘ah*, Imam Syafii mengatakan: “Aku tidak pernah mengetahui sesuatu perkara yang diharamkan oleh Allah, kemudian

<sup>41</sup> Al-Ḥāzīmī, *Kitāb al-I‘tibār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār*, 178; al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 212.

<sup>42</sup> *Ibid*, 212.

<sup>43</sup> *Ibid*, 213; al-Ahdal, *Nikāḥ al-Mut‘ah*, 120.

<sup>44</sup> *Ibid*, 121.

diharamkan, kemudian dihalalkan, kemudian diharamkan melainkan nikah *mut'ah*.<sup>45</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW mengharamkan nikah *mut'ah* ketika hari Khaybar, dan ketika hari *al-Fath* beberapa sahabat bernikah secara *mut'ah* kerana mereka tidak mengetahui tentang larangan mengenainya.<sup>46</sup>

Mengikut al-Ḥāzimī, Rasulullah SAW hanya membenarkan nikah *mut'ah* apabila lelaki Islam berada dalam satu-satu ekspedisi jauh dari tempat asal mereka, kerana tiada hadis yang menunjukkan Rasulullah SAW membenarkan nikah *mut'ah* apabila mereka berada di tempat tinggal mereka sendiri. Oleh sebab itu, pengulangan keharusan dan pengharaman nikah *mut'ah* dilakukan kerana ekspedisi menuju ke satu-satu tempat juga berlaku beberapa kali, dan pengharaman secara mutlak dan kekal hanya berlaku ketika *hujjah al-wadā'*. Pendapat ini dipegang dan disepakati oleh semua ulama, melainkan sebahagian daripada mazhab Syiah.<sup>47</sup>

Terdapat juga hadis yang menunjukkan bahawa 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. yang mula-mula sekali mengharamkan nikah *mut'ah*<sup>48</sup> dan bukannya Rasulullah SAW. Terdapat juga hadis yang secara umumnya menyatakan pengharaman nikah *mut'ah* tanpa menyebut siapa yang mengharamkannya.<sup>49</sup>

Terdapat beberapainsiden yang diriwayatkan yang menyebabkan nikah *mut'ah* diharamkan. Rabi'ah bin 'Umayyah diriwayatkan

---

<sup>45</sup> Dinyatakan dalam Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Ṣādiq*, 248; al-Ahdal, *Nikāḥ al-Mut'ah*, 121.

<sup>46</sup> *Ibid*, 122.

<sup>47</sup> Al-Ḥāzimī, *Kitāb al-I'tibār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār*, 176; al-Husrī, *al-Nikāḥ wa al-Qaḍāyā al-Muta'alliqah bihi*, 174.

<sup>48</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 16 & 17, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut'ah, 1023.

<sup>49</sup> Jābir bin 'Abd Allah ditanya mengenai hukum nikah *mut'ah*, dan dia menjawab: "Ya! Kami mengamalkan nikah *mut'ah* pada zaman Rasulullah SAW, Abu Bakar dan 'Umar. Beliau tidak menyatakan siapa yang mengharamkannya. Al-Nawawī, *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut'ah, 191.



bernikah secara *mut‘ah*, dan menyebabkan isteri yang dinikahi secara *mut‘ah* itu mengandung. Dalam kes ini, reaksi ‘Umar al-Khaṭṭāb digambarkan sebagai sangat marah terhadap Rabī‘ah, dan dia mengheretnya dengan menarik bajunya, dan berkata: “Ini adalah *mut‘ah*, dan kalaulah aku telah terlebih dahulu menyatakan pengharamannya (*law kuntu taqaddamtu fī hā*), sudah pasti aku akan merejamnya dengan batu.”<sup>50</sup>

Dalam pertelingkahan antara ‘Abd Allah Ibn ‘Abbās dan ‘Abd Allah bin Zubayr mengenai isu pengharaman nikah *mut‘ah* ini, diriwayatkan Ibn Zubayr mengatakan, “aku tidak faham mengapa ada orang yang masih buta. Seolah-olah Allah yang membutakan mereka dengan mengatakan nikah *mut‘ah* itu halal (merujuk kepada Ibn ‘Abbās). Ibn ‘Abbās menjawab: Engkau ini keras hati dan kurang beradab. Aku melihat *mut‘ah* diamalkan pada zaman *imām al-muttaqīn* (dimaksudkan Rasulullah SAW). Ibn al-Zubayr menjawab: “Aku bersumpah dengan nama Allah, sekiranya kamu melakukannya, aku pasti akan merejam kamu dengan batu.”<sup>51</sup>

Mengikut Sheikh Abdurraghiem Sallie, kefahaman Ibn ‘Abbās mengenai nikah *mut‘ah* sebagai harus pada ketika itu kerana beliau pada ketika itu tidak mengetahui bahawa hukum berkenaan telah dinasakahkan. Apabila dia mendapat pengesahan tentang kedudukan sebenar dia menarik balik pandangannya mengenai perkara tersebut.<sup>52</sup> Diriwayatkan oleh Sa‘īd bin Zubayr: “Ibn ‘Abbās berdiri, berucap kepada khalayak ramai: “Nikah *mut‘ah* itu umpama bangkai, darah dan daging babi.” Istilah yang digunakan ini bagi menekankan hujahnya tentang pengharaman nikah *mut‘ah* dan kedudukannya sebagai satu bentuk *rukḥṣah* apabila berada dalam situasi yang benar-benar darurat.<sup>53</sup>

Walau bagaimanapun, al-Khiṭābī tidak bersetuju dengan pandangan yang membandingkan nikah *mut‘ah* dengan bangkai, darah dan babi yang diharuskan ketika darurat, kerana keharusan adalah bagi menyelamatkan nyawa. Sebaliknya, nikah *mut‘ah*

---

<sup>50</sup> Mālik bin Anās, *Muwattā’*, hadis no. 1141, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah, 369.

<sup>51</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 27, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah, 1026.

<sup>52</sup> Abdurraghiem Sallie, *The Book on Muslim Marriage*, 123.

<sup>53</sup> Abdurraghiem Sallie, *The Book on Muslim Marriage*, 123-4

berkaitan dengan nafsu syahwat yang boleh ditangani dengan berpuasa. Oleh itu, nikah *mut'ah* tidak boleh dilakukan walaupun ketika darurat.<sup>54</sup>

Terdapat riwayat yang mengatakan hukum nikah *mut'ah* telah dinasakhkan dengan sebab penurunan ayat tentang pensyariatan nikah, talaq, iddah dan pewarisan.<sup>55</sup>

Pertama, pengharaman nikah *mut'ah* boleh difahami dari nas al-Quran yang menunjukkan pengiktirafan hubungan kelamin hanya boleh berlaku dalam pernikahan secara kekal sahaja, dan juga disebabkan hubungan tuan-hamba sahaya. Dalam surah al-Mu'minūn, ayat 5-6:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَعْتَابِهِمْ حَقُّونَ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَاحِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ  
أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ

Maksudnya: “Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela.”

Nasakh hukum nikah *mut'ah* dengan penurunan ayat ini telah diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas yang mengatakan bahawa nikah *mut'ah* dibenarkan pada zaman awal Islam sehinggalah hukumnya dinasakhkan dengan penurunan ayat yang dinyatakan di atas. Selepas penurunan ayat tersebut, hubungan kelamin dengan selain daripada isteri dan hamba perempuan, mengikut Ibn ‘Abbās adalah haram.<sup>56</sup>

Kedua, pensyariatan talaq juga menunjukkan hanya nikah kekal (bukan sementara) yang diiktiraf oleh syariat Islam, kerana talaq hanya berlaku dalam nikah kekal. Nikah *mut'ah* sebaliknya tidak memerlukan talaq dan hanya tamat apabila tempoh yang

<sup>54</sup> Al-Ḥāzīmī, Kitāb al-I‘tibār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār, 179.

<sup>55</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 216; al-Ḥāzīmī, Kitāb al-I‘tibār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār, 177.

<sup>56</sup> Al-Tirmīzī, *Sunan al-Tirmīzī*, hadis no. 1122, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jā’a fī Tahrīm Nikāh al-Mut’ah, 430.

dipersetujui tamat atau apabila pihak-pihak atas persetujuan bersama setuju untuk menamatkannya walaupun tempoh belum matang tanpa memerlukan ucapan talaq.

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِقُوهُنَّ لِإِعْدَّتِهِنَّ

Maksudnya: “Wahai Nabi! Apabila kamu (engkau dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddahnya...”

(al-Ṭalāq: 1)

Ketiga, pensyarian idah yang perlu dijalani oleh wanita yang diceraikan atau wanita kematian suami. Dalam surah al-Baqarah, ayat 228, dinaskan bahawa isteri yang diceraikan perlu menjalani idah selama tiga quru’ ( وَأَلْمَطَلَقَتْ يَرْبِصَنَّ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ). Tempoh idah tiga quru’ ini hanya tertentu kepada wanita yang diceraikan dalam nikah kekal. Sedangkan amalan ini tidak dinaskan bagi nikah *mut’ah*. Oleh itu, nikah *mut’ah* tidak diiktiraf dari segi syarak. Walaupun, mazhab fiqh Syiah memperuntukkan idah bagi nikah *mut’ah* sebanyak dua kali pusingan haid bagi yang masih ada haid, dan bagi yang tidak haid, idah dikira mengikut bilangan hari, iaitu selama 45 hari—diqiaskan kepada idah bagi hamba.<sup>57</sup>

Keempat, wujudnya ketetapan di dalam al-Quran mengenai hak pewarisan suami dan isteri selepas kematian isteri atau suami yang dinaskan dalam surah al-Nisā’, ayat 12.

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ  
وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ  
بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوَصِّينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا  
تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ  
فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا  
أَوْ دَيْنٍ

<sup>57</sup> Al-Ahdal, *Nikāḥ al-Mut’ah*, 92; Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 47-48.

Maksudnya: “Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayar hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayar hutangnya.”

Pengiktirafan hak suami dan isteri mendapat pewarisan selepas kematian menunjukkan hanya pernikahan secara kekal diterima dalam Islam sebagai asas pembinaan keluarga dan masyarakat. Hak pewarisan dalam nikah *mut‘ah* tidak diperuntukkan dari awal lagi.<sup>58</sup>

### **ASAS PENERIMAAN NIKAH *MUT‘AH* DALAM MAZHAB SYIAH IMAMIYAH**

Mazhab sunni dan mazhab Syiah Ismailiyah, Fatimiyah dan Zaydiyah mempunyai pandangan yang sama tentang pengharaman nikah *mut‘ah*. Hanya mazhab Syiah Imamiyah yang berbeza pandangan mengatakan nikah *mut‘ah* diharuskan.<sup>59</sup> Mazhab Syiah Imamiyah membezakan antara nikah *mut‘ah* dengan nikah kekal, yang mana objektif nikah *mut‘ah* adalah keinginan memenuhi keperluan seksual, manakala nikah kekal objektifnya adalah mendapatkan zuriat.<sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> Al-Ahdal, *Nikāh al-Mut‘ah*, 91.

<sup>59</sup> Fyzee, *Outlines of Muhammadan Law*, 88; Jamal J. Nasir, *The Islamic Law of Personal Status*, 59.

<sup>60</sup> Shahla Haeri, “Power of Ambiguity: Cultural Improvisations on the Theme of Temporary Marriage.” *Iranian Studies* 19, no. 2 (1986): 124.

Golongan ini mengharuskan nikah *mut‘ah* berdasarkan perkataan *istimtā‘* yang terdapat dalam dalam surah al-Nisā’, ayat 24:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً وَلَا  
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: “...Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya, maka berikanlah kepada mereka upahnya, sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah).”

Berlainan dengan mazhab sunni yang menafsirkan istilah *istimtā‘* sebagai pernikahan kekal, mazhab Syiah Imamiyah mentafsirkannya sebagai hujah keharusan nikah *mut‘ah* dalam al-Quran yang tidak pernah dinasakh hukumnya sama ada dalam al-Quran atau hadis. Istilah “*ujūrahunna*” (أُجُورُهُنَّ) diterjemahkan sebagai “upah,” (*ujrah*)<sup>61</sup> bagi mazhab Syiah Imamiyah, sebaliknya mazhab sunni, termasuk terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu menterjemahkan perkataan “*ujūrahunna*” sebagai “maskawin.”<sup>62</sup>

Bagi ayat “mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya,” penambahan ayat “*ilā ajalīn musammā*” mengikut bacaan Ibn ‘Abbās yang menjadi sandaran hujahan oleh mazhab Syiah tentang keharusan nikah *mut‘ah*.<sup>63</sup> Mereka menolak bahawa berlakunya nasakh hukum dengan hujah bahawa hukum yang sabit dengan yakin melalui nas al-Quran, tidak boleh dihilangkan dengan semata-mata *syak* dan *zan*, merujuk kepada kredibiliti hukum pengharaman nikah *mut‘ah* oleh ‘Umar al-

<sup>61</sup> Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 176.

<sup>62</sup> Sila rujuk terjemahan al-Quran ayat 24, surah al-Nisā’ oleh Abdullah Basmeih, *Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, t. t.); Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 175.

<sup>63</sup> *Ibid*, 177-178.

Khattāb.<sup>64</sup> Mereka merujuk kepada dalil athar yang meriwayatkan bahawa apabila seorang lelaki dari negeri Syam bertanya kepada Ibn ‘Umar tentang nikah *mut‘ah*, dia berkata bahawa nikah *mut‘ah* halal. Lelaki Syam itu berkata, “nikah *mut‘ah* itu telah dilarang oleh bapa kamu.” Ibn ‘Umar berkata: “Adakah kamu berpendapat, apabila ianya dilarang oleh bapaku, dan telah disunnahkan oleh Rasulullah SAW, maka kita perlu meninggalkan sunnah dan mengikut kata-kata bapaku?”<sup>65</sup>

Mazhab Syiah Imamiyah mengatakan, sekiranya pengharaman nikah *mut‘ah* itu berlaku dengan sebab ijthad, maka ijthad berkenaan adalah batal kerana bertentangan dengan maksud nas al-Quran.<sup>66</sup> Walau bagaimanapun, dalam *Tafsīr al-Ṭabarī* dinyatakan bahawa bacaan dengan penambahan “*ilā ajalīn musammā*” tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan kebanyakan mashaf yang ada dalam tangan umat Islam, dan memasukkan penambahan ke dalam al-Quran sesuatu perkara yang tidak jelas secara *qaṭ‘ī* (pasti) adalah tidak dibenarkan.<sup>67</sup>

Hujah lain yang dipegang oleh golongan Syiah ialah riwayat yang disampaikan melalui Ibn ‘Abbās yang mengatakan keharusan nikah *mut‘ah*.<sup>68</sup> Walau bagaimanapun, sanad hadis yang menjadi sandaran hujah keharusan nikah *mut‘ah* tersebut adalah lemah.<sup>69</sup> Terdapat juga riwayat yang mengatakan bahawa, walaupun Ibn ‘Abbās pernah mengatakan nikah *mut‘ah* adalah harus, tetapi beliau telah menarik balik kata-kata tersebut.<sup>70</sup>

Begitu juga kaedah yang dipegang oleh golongan syiah, bahawa “sebarang ikhtilaf mengenai hukum perlu merujuk kepada ‘Alī dan Ahl al-Bayt” adalah tidak tepat, kerana ‘Alī bin ‘Abī Ṭālib

---

<sup>64</sup> Hammudah ‘Abd al-‘Ati, *The Family Structure in Islam* (Indiana: American Trust Publication, 1995), 105; Tabataba‘i, *Shi‘a*, 228-9; Dwight M. Donaldson, “Temporary Marriage in Iran,” *The Moslem World*. Vol. 26, No. 4, 360.

<sup>65</sup> Al-Ḥuṣrī, *al-Nikāh wa al-Qaḍāyā al-Muta‘alliqah bihi*, 178.

<sup>66</sup> *Ibid*, 177.

<sup>67</sup> Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, 179.

<sup>68</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 217.

<sup>69</sup> *Ibid*.

<sup>70</sup> Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkānī, *Nayl al-Awṭār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 6 vols., 1999), 143.

sendiri mengatakan bahawa nikah *mut‘ah* telah dinasakhkan.<sup>71</sup> Diriwatikan dalam al-Bayhaqī, apabila Ja‘far bin Muḥammad ditanya mengenai hukum nikah *mut‘ah*, dia mengatakan nikah *mut‘ah* adalah zina (*hiya al-zinā bi ‘aynihi*).<sup>72</sup>

Mazhab Syiah Imamiyah berpegang dengan prinsip, bahawa “setiap sesuatu yang diharamkan oleh Rasulullah adalah halal sehingga hari kiamat, dan sesuatu yang haram, adalah haram sehingga hari kiamat.”<sup>73</sup> Mereka merujuk riwayat-riwayat ahl al-bayt contohnya kepada al-Imam Ja‘far al-Ṣādiq yang telah ditanya: “Adakah ayat berkenaan *mut‘ah* dinasakhkan oleh sesuatu? Dia menjawab: “Tidak, kalaulah tidak dilarang oleh ‘Umar, tidak akan berlaku zina melainkan oleh orang yang jahat (*illā syaḡiy*).<sup>74</sup>

Bagi al-Āmilī seorang ulama Syiah, “keimanan seseorang itu hanya akan sempurna apabila dia melalui pengalaman bernikah secara *mut‘ah*,” dan ungkapan ini biasa dirujuk dan disebut oleh mana-mana golongan yang alim dan warak dalam mazhab syiah Imamiyah yang mengamalkan nikah *mut‘ah*, atas kepercayaan nikah *mut‘ah* dapat menyempurnakan amalan agama mereka.<sup>75</sup> Mengikut Imam Ja‘far al-Ṣādiq, “mengikut pandanganku, adalah sesuatu yang jelik bagi seseorang lelaki yang meninggal dunia tanpa sempat menyempurnakan praktik Rasulullah.” Apabila beliau ditanya sama ada Rasulullah mempraktikkan *mut‘ah*, beliau menjawab “Ya.”<sup>76</sup>

Mazhab Syiah Imamiyah menerima amalan nikah *mut‘ah* ini. Walau bagaimanapun mereka membezakan antara nikah *mut‘ah* dengan nikah kekal, bahawa objektif nikah *mut‘ah* adalah bagi mendapatkan hubungan seks, manakala nikah kekal adalah bagi tujuan mendapatkan keturunan.<sup>77</sup> Oleh kerana nikah *mut‘ah*

<sup>71</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 217; al-Syawkānī, *Nayl al-Awtār* 143.

<sup>72</sup> *Ibid.*

<sup>73</sup> Shahla Haeri, “Power of Ambiguity,” 124.

<sup>74</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Ṣādiq*, 248; Perkataan yang sama dikatakan telah diucapkan oleh Ali bin Abi Talib menurut pandangan ulama mazhab Syiah yang cuba menghujahkan keharusan nikah *mut‘ah*, sila rujuk al-Husrī, *al-Nikāh wa al-Qaḡāyā al-Muta‘alliqah bihi*, 178.

<sup>75</sup> Fyze, *Outlines of Muhammadan Law*, 87.

<sup>76</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 72.

<sup>77</sup> Shahla Haeri, *Law of Desire*, 50.

diterima dalam mazhab Syiah Imamiyah, peraturan berkenaan nikah *mut'ah* dikembangkan sebagai panduan dan rujukan pengikut mazhab yang ingin mengamalkan nikah *mut'ah*.

Akad nikah *mut'ah* menjadi sah, apabila seorang wanita mengatakan, “aku yang bernama fulanah menikah dengan kamu (pihak lelaki) dengan bayaran sebanyak sekian jumlahnya bagi tempoh sekian lamanya.” Dan pihak lelaki menjawab “aku terima.”<sup>78</sup> Tempoh nikah *mut'ah* mesti dinyatakan dengan jelas dalam akad. Tempoh boleh dalam had masa yang singkat, contohnya sejam, atau tempoh yang lama, sembilan puluh sembilan tahun. Oleh itu, dalam akad tidak boleh disebut “selama masa hidup,” kerana tempoh hayat seseorang adalah tidak jelas.<sup>79</sup>

Bayaran atau juga disebut upah (*ajr*) mestilah dalam bentuk atau jumlah yang jelas dinyatakan dalam akad. Ketidakjelasan boleh menjadikan akad tidak sah.<sup>80</sup> Ini berbeza dengan nikah kekal yang mana jumlah yang tidak disebut atau tidak jelas tidak menjejaskan kesahihan nikah. Apabila keadaan ini berlaku dan wujudnya pertikaian, suami perlu membayar jumlah mahar berdasarkan *mahr al-mithl*.<sup>81</sup> Kepentingan menyatakan tempoh dan jumlah bayaran yang jelas bagi menjadikan akad nikah *mut'ah* sah ini dapat dilihat dari kata-kata Imam Ja'far al-Şādiq: “Tidak menjadi *mut'ah* melainkan dua perkara; tempoh yang tertentu dan upah yang tertentu.”<sup>82</sup>

Para ulama mazhab Syiah sendiri membandingkan status undang-undang nikah *mut'ah* seumpama penyewaan manusia, yang mana kontrak atau akad bagi transaksi berkenaan mestilah jelas dan tidak kabur.<sup>83</sup> Isteri dalam nikah *mut'ah* hanya dilihat sebagai orang yang ingin mendapatkan bayaran bagi khidmat layanan seksual yang diberikan kepada suami. Mereka adalah “pemberi sewa” sebagaimana istilah yang digunakan oleh pengasas mazhab

---

<sup>78</sup> *Ibid*, 52.

<sup>79</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Şādiq*, 251-2.

<sup>80</sup> Shahla Haeri, *Law of Desire*, 53.

<sup>81</sup> *Ibid*, 53.

<sup>82</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Şādiq*, 252.

<sup>83</sup> Shahla Haeri, *Law of Desire*, 53.



fiqh Syiah.<sup>84</sup> Bersesuaian dengan konsep penyewaan, bayaran yang diberikan kepada wanita disebut sebagai bayaran sewa (*ajr*).<sup>85</sup> Nikah *mut‘ah* dianggap sebagai satu bentuk ‘penyewaan’ kerana secara umumnya, maksud utama lelaki yang menikahi wanita dengan cara ini adalah bagi maksud mendapatkan hubungan seksual dengan wanita berkenaan dengan bayaran atau pemberian barang yang tertentu. Dalam sesetengah penulisan, terma *al-musta‘jarah* (wanita yang disewa) digunakan menggambarkan fungsi wanita berkenaan dalam nikah *mut‘ah*.<sup>86</sup> Bahkan, dalam istilah fiqh muamalat, sewaan (*al-ijārah*) didefinisikan sebagai untuk mendapatkan sesuatu atau manfaat dengan imbalan bayaran tertentu,<sup>87</sup> bersamaan dengan konsep yang berlaku dalam nikah *mut‘ah*. Oleh sebab itu, al-Hilli, seorang ulama Syiah pada abad ke-13 mendefinisikan akad nikah *mut‘ah* sebagai “akad yang memberi penguasaan kepada lelaki mendominasi alat kemaluan wanita (*al-bud‘u*), tanpa membabitkan aspek “pemilikan” sebagaimana ke atas hamba.<sup>88</sup>

Rukun nikah *mut‘ah* mengikut mazhab fiqh Syiah terdiri daripada tiga perkara, iaitu 1) *ṣīghah* (ijab qabul); 2) pihak yang berakad; dan 3) tempoh nikah.

Pertama, ijab dan qabul nikah *mut‘ah* mesti menggambarkan hasrat pihak-pihak untuk nikah *mut‘ah* dengan menyatakan jumlah bayaran dan tempoh masa yang tertentu. Kedua, lelaki hanya boleh berkahwin dengan wanita Islam atau *ahl al-kitāb*. Wanita mushrik dan wanita yang memusuhi *ahl al-bayt*, seperti golongan Khawarij juga tidak dibenarkan dinikahi secara *mut‘ah*. Keempat, tempoh masa perlu dinyatakan dengan jelas. Oleh itu, ucapan seperti, “satu atau dua jam” adalah tidak sah kerana tidak

---

<sup>84</sup> Apabila ditanya mengenai had bilangan isteri yang boleh dinikahi secara *mut‘ah*, Imām Ja‘far al-Sādiq, pengasas mazhab fiqh Syiah mengatakan, “kahwinilah mereka walaupun sehingga seribu orang, kerana mereka adalah orang yang mendapatkan wang secara sewaan.” Shahla Haeri, *Power of Ambiguity*, 125.

<sup>85</sup> *Ibid*, 124.

<sup>86</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 28.

<sup>87</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr, 5 vols., 2004), 3804.

<sup>88</sup> Shahla Haeri, *Law of Desire*, 33.

jelas.<sup>89</sup> Begitu juga, akad tidak sah jika hanya dinyatakan jumlah bilangan akan berlakunya hubungan kelamin, sekiranya tidak dinyatakan tempoh.<sup>90</sup>

Sekiranya tempoh nikah *mut'ah* tamat, dan lelaki berkenaan tidak pernah membuat hubungan seksual dengan isteri *mut'ahnya*, jumlah *mut'ah* hanya perlu diberikan separuh dari jumlah yang dipersetujui.<sup>91</sup> Walau bagaimanapun, sesetengah ulama Syiah berpendapat, wanita berkenaan tidak perlu dibayar apa-apa kerana dia tidak menjalankan tugasnya memberikan layanan seksual, iaitu tugas yang mana dia dibayar.<sup>92</sup> Sekiranya pihak lelaki menamatkan kontrak sebelum tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam akad, dia perlu membayar keseluruhan jumlah upah yang disebut dalam akad.<sup>93</sup> Dalam keadaan yang mana lelaki itu memilih untuk tidak melakukan hubungan seksual dengan wanita berkenaan, dan wanita itu pula dalam keadaan taat dan patuh, lelaki itu perlu membayar keseluruhan jumlah bayaran.<sup>94</sup> Bandingannya ialah, seumpama seseorang menyewa sebuah rumah dan memilih untuk tidak pergi ke rumah tersebut, orang itu masih perlu membayar harga sewaan.<sup>95</sup> Sekiranya wanita berkenaan meninggalkan suami *mut'ahnya* sebelum tamat tempoh, suami berhak menolak harga dari jumlah bayaran yang dipersetujui dalam kadar yang berpatutan.<sup>96</sup>

Wanita yang dinikahi mestilah wanita yang mencukupi syarat-syarat sebagaimana juga dalam nikah kekal, iaitu seorang wanita yang berakal, baligh dan tiada halangan dari dinikahi. Oleh itu, nikah *mut'ah* tidak dibenarkan dengan isteri orang, wanita dalam iddah, sama ada iddah talak atau kematian, wanita yang diharamkan dengan sebab nasab, *muṣāharah* atau *raḍā'ah*

---

<sup>89</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 30.

<sup>90</sup> *Ibid.*, 36.

<sup>91</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Ṣādiq*, 250.

<sup>92</sup> Shahla Haeri, *Law of Desire*, 54.

<sup>93</sup> Hammudah 'Abd al-'Ati, *The Family Structure in Islam*, 103.

<sup>94</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 35.

<sup>95</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Ṣādiq*, 250; Shahla Haeri, *Law of Desire*, 54.

<sup>96</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 35; Fyzee, *Outlines of Muhammadan Law*, 89.

sebagaimana dengan nikah kekal.<sup>97</sup> Wanita yang dinikahi boleh dalam kalangan Islam, Kristian atau Yahudi, dan tidak dibenarkan bernikah dengan wanita *musyrik*.<sup>98</sup> Imam Riḍā pernah ditanya: “Adakah boleh menikah secara *mut‘ah* dengan wanita beragama Kristian atau Yahudi?. Dia menjawab: “Aku lebih suka sekiranya seseorang lelaki itu bernikah dengan wanita Islam yang merdeka.”<sup>99</sup> Walau bagaimanapun, terdapat penulisan yang mengatakan nikah *mut‘ah* juga boleh melibatkan wanita Majusi (Zoroastrian).<sup>100</sup> Jumlah wanita yang boleh dikahwini adalah tiada had, lelaki boleh bernikah *mut‘ah* sebanyak mana yang dia ingini tanpa batasan,<sup>101</sup> dan bilangan ini tidak termasuk bilangan empat isteri yang dinikahi secara nikah kekal.<sup>102</sup> Wanita, seperti mana dalam nikah kekal hanya dihadkan mempunyai seorang suami sahaja yang dinikahi secara nikah *mut‘ah* pada satu-satu masa.<sup>103</sup>

Walaupun nikah *mut‘ah* dilihat sebagai sesuatu yang boleh menjejaskan reputasi wanita yang masih gadis, dan hanya menggalakkan nikah *mut‘ah* melibatkan wanita yang bukan dara (janda), namun wanita yang dinikahi mestilah wanita yang baik (*‘afifah*), bukan penzina atau jahat. Hukum bernikah *mut‘ah* dengan wanita yang penzina adalah makruh. Sekiranya, seseorang lelaki bernikah dengan wanita penzina, dia bertanggungjawab melarang wanita berkenaan melakukan zina.<sup>104</sup> Imam Ja‘far al-Ṣādiq apabila ditanya mengenai nikah *mut‘ah*, dia menjawab: Ianya halal, jangan kamu kahwini wanita melainkan yang baik (*‘afifah*), sesungguhnya Allah telah berfirman *إِلَّا يَنْكُحُ إِلَّا زَانِيَةً* (Lelaki yang berzina tidak berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina). Dalam riwayat yang lain Imam Ja‘far al-Ṣādiq menyatakan: “Sesungguhnya sesiapa yang bernikah *mut‘ah* dengan wanita penzina, maka dia juga dianggap penzina (lelaki).<sup>105</sup>

<sup>97</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 30.

<sup>98</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Ṣādiq*, 249.

<sup>99</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 31.

<sup>100</sup> Jamal J. Nasir, *The Islamic Law of Personal Status*, 60.

<sup>101</sup> Hammudah ‘Abd al-‘Ati, *The Family Structure in Islam*, 109.

<sup>102</sup> Shahla Haeri, *Power of Ambiguity*, 125.

<sup>103</sup> *Ibid.*

<sup>104</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 32.

<sup>105</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Ṣādiq*, 255.

Ulama mazhab Syiah Imamiyah, walau bagaimanapun mengaku status nikah *mut'ah* sebagai sesuatu yang boleh menjejaskan reputasi wanita. Oleh itu, nikah *mut'ah* hanya digalakkan membabitkan wanita yang bukan dara kerana amalan tersebut, mengikut Imam Ja'far al-Şādiq "boleh menjejaskan reputasi keluarga gadis berkenaan."<sup>106</sup> Oleh itu, mengikut Imam Riḍā, "seseorang anak gadis yang masih dara (*al-bikr*) tidak boleh bernikah secara *mut'ah* tanpa keizinan walinya."<sup>107</sup> Sekiranya, nikah *mut'ah* tetap juga berlaku dengan gadis berkenaan, lelaki tersebut tidak boleh melakukan hubungan kelamin dengan gadis berkenaan melainkan selepas mendapat izin walinya.<sup>108</sup>

Bagi memastikan rahim kosong, mengelakkan kekeliruan nasab anak, wanita yang telah tamat tempoh nikah *mut'ah* perlu menjalani idah selama dua kali pusingan haid ataupun 45 hari dengan kiraan. Jika dia hamil, idah tamat dengan berlakunya kelahiran anak. Idah wafat adalah selama empat bulan sepuluh hari sebagaimana juga idah wafat bagi nikah kekal, sama ada telah berlaku *dukhūl* ataupun tidak. Idah wafat bagi wanita yang hamil, perlu diikuti tempoh mana-mana yang lebih lama, antara empat bulan sepuluh hari atau saat kelahiran. Jika nikah *mut'ah* tamat tanpa berlakunya "*dukhūl*," wanita berkenaan tidak perlu beridah.<sup>109</sup>

Anak yang dilahirkan hasil hubungan suami isteri dalam nikah *mut'ah* adalah anak yang sah taraf, sebagaimana juga anak yang dilahirkan dalam nikah kekal berhak mendapatkan nafkah dan pewarisan.<sup>110</sup> Namun, sekiranya lelaki berkenaan memilih untuk tidak mengiktiraf anak berkenaan sebagai anaknya, dia tidak perlu melalui proses rumit *li'an* bagi menafikan anak yang dilahirkan dalam nikah kekal.<sup>111</sup>

Kedudukan mereka tidak seperti isteri dalam nikah kekal yang berhak mendapat nafkah, pewarisan dan sebagainya. Melainkan

---

<sup>106</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 32; Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Şādiq*, 253.

<sup>107</sup> Sachiko Murata, *Temporary Marriage*, 32.

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja'far al-Şādiq*, 252.

<sup>110</sup> *Ibid.*, 250

<sup>111</sup> Shahla Haeri, *Power of Ambiguity*, 125.

disyaratkan isteri mendapat nafkah dan pewarisan. Ini berbeza dengan nikah kekal yang tidak memerlukan wujudnya syarat ketika akad nikah bagi melayakkan isteri mendapat nafkah dan pewarisan. Hujah yang digunakan oleh mazhab syiah ialah, “orang-orang yang beriman perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh mereka.” Hak mendapat nafkah atau pewarisan dipertimbangkan kerana kedudukannya yang disyaratkan dalam akad, dan bukannya hak sedia ada yang wujud dengan semata-mata terbentuknya akad nikah.<sup>112</sup>

Wujudnya akad nikah *mut‘ah* juga tidak memberi kesan kepada bilangan isteri dan status *al-iḥṣān* isteri (*muḥṣan*). Bilangan isteri yang dinikahi secara *mut‘ah* tiada had bilangannya. Seseorang lelaki boleh bernikah secara *mut‘ah* sebanyak mana yang dia ingini. Imam Ja‘far al-Ṣādiq apabila disoal berkenaan jumlah isteri yang dihadkan bagi nikah *mut‘ah* mengatakan: “Kahwinilah mereka walaupun sehingga seribu orang. Kerana mereka adalah orang yang mendapatkan wang dengan secara sewaan.”<sup>113</sup> Kedudukan ini sama seperti ruang yang diberikan kepada lelaki untuk memiliki dan mengambil hamba perempuan tanpa dihadkan jumlah bilangan. Ini berbeza dengan nikah kekal yang dihadkan bilangan isteri setakat empat orang sahaja.

Status isteri yang dinikahi secara *mut‘ah* tidak dianggap sebagai seorang wanita *muḥṣan*. Oleh itu, apabila seorang gadis berkahwin secara *mut‘ah*, dan telah berlaku hubungan kelamin dengan lelaki yang dinikahinya, dan dia kemudiannya ditangkap atas kesalahan melakukan zina dengan seorang lelaki lain, dia tidak dikenakan hukuman rejam kerana dianggap masih berstatus ‘*al-bikr*’.<sup>114</sup> Begitu juga dalam kes *tahlil*, wanita yang diceraikan dengan talak tiga oleh suami yang pertama. Apabila kemudiannya dia bernikah *mut‘ah* dengan lelaki lain, dia tidak boleh kembali bernikah dengan suami yang pertama walaupun tempoh nikah *mut‘ah*nya telah tamat.<sup>115</sup> Ini menunjukkan status akad nikah *mut‘ah* tidak diiktiraf dan memberi kesan hukum kepada banyak perkara dalam undang-undang Islam.

---

<sup>112</sup> Mughniyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Ṣādiq*, 253.

<sup>113</sup> Shahla Haeri, *Power of Ambiguity*, 125.

<sup>114</sup> Al-Ahdal, *Nikāh al-Mut‘ah*, 92.

<sup>115</sup> *Ibid.*

## KESIMPULAN

Elemen sementara (tidak berkekalan) dalam akad nikah bertentangan dengan konsep institusi perkahwinan dan struktur sosial masyarakat Islam yang sifatnya memerlukan kestabilan dalam hubungan dan pelaksanaan hak dan tanggungjawab antara ahli keluarga / masyarakat. Pernikahan dalam Islam dilihat sebagai suatu perkara yang penting dalam kehidupan seseorang Islam, lelaki atau perempuan yang lazimnya melibatkan pengiktirafan hubungan berkenaan dalam konteks kekeluargaan. Penglibatan, pengiktirafan dan penglibatan ahli keluarga kedua belah pihak dapat diperhatikan ketika upacara akad nikah, yang mana pengantin wanita memerlukan wali. Wujudnya ikatan nikah ini juga disarankan agar diwar-warkan kepada masyarakat sekitar, dan lazimnya dilakukan apabila kenduri dilakukan dengan menjemput sahabat handai, saudara mara dan jiran tetangga. Perlindungan hak bagi setiap ahli keluarga dalam bentuk pelaksanaan tanggungjawab antara satu sama lain dinyatakan dengan secara jelas dalam bab *munakahat*. Hak isteri menjadi tanggungjawab suami, dan hak suami menjadi tanggungjawab isteri. Begitu juga, hak anak-anak menjadi tanggungjawab ibu bapa, dan hak ibu bapa menjadi tanggungjawab anak, bahkan hak-hak bagi usul (asal keluarga -datuk nenek dan ke atas-) juga diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam. Perbincangan mengenai perkara ini dilakukan secara terperinci sehingga menjadi satu bentuk cabang ilmu yang khusus dalam mazhab-mazhab fiqh Islam, sama ada sunni atau Syiah.

Sebaliknya nikah *mut'ah*, bertentangan dengan segala prinsip yang disarankan dalam Islam dari peringkat asal lagi. Pernikahan ini bukan bermatlamatkan mendirikan asas kepada keluarga dan masyarakat, bahkan hanya bermatlamatkan menikmati hubungan seksual dengan bayaran tertentu kepada seseorang wanita dan berlangsung dalam tempoh tertentu. Hak-hak sebagai isteri bagi mendapat nafkah dan pewarisan contohnya tidak diperolehi oleh wanita yang dinikahi secara *mut'ah*. Dia hanya berhak mendapat '*ajr*' (upah atau bayaran sewa). Penglibatan keluarga antara suami isteri juga tiada, bahkan akad nikah *mut'ah* ini lazimnya dilakukan tanpa pengetahuan keluarga kerana ia hanya memerlukan persetujuan antara lelaki dan wanita berkenaan sahaja.

Semua mazhab sunni sepakat bahawa akad nikah tidak boleh mempunyai apa-apa unsur yang jelas atau tersirat yang menunjukkan tempoh pernikahan. Ini kerana objektif pernikahan adalah untuk mengasaskan hubungan kesatuan antara lelaki dan perempuan secara sah dan secara kekal, iaitu asas kepada pembentukan keluarga dan suasana bagi mendidik dan membesarkan anak-anak. Hubungan suami isteri yang diasaskan melalui akad pernikahan hanya akan tamat dengan sendirinya apabila berlakunya kematian. Pembubaran pernikahan yang berlaku sama ada dalam bentuk talak, khuluk, fasakh dan sebagainya adalah sesuatu yang berlaku kemudian. Tiada kaitan atau dihasratkan ketika akad nikah.

Oleh itu, mazhab sunni mengharamkan sebarang bentuk akad nikah yang bersifat sementara yang dihasratkan atau dinyatakan dengan jelas akan ditamatkan dalam tempoh tertentu. Ancaman ‘Umar al-Khaṭṭāb bahawa mereka yang mengamalkan nikah *mut‘ah* akan dikenakan hukuman rejam dengan batu menunjukkan amalan tersebut bersamaan dengan kesalahan jenayah zina.

Nikah *mut‘ah* juga menunjukkan ianya satu amalan yang merendahkan martabat wanita dengan membandingkan akad nikah *mut‘ah* dengan kontrak (akad) sewaan bagi menikmati hubungan seks dengan wanita yang memberi sewa badannya.

Walaupun diharuskan oleh mazhab Syiah dan dianggap sebagai satu amalan yang melengkapkan tahap beragama seseorang, namun hakikatnya amalan tersebut boleh menjejaskan reputasi dapat diperhatikan apabila wanita yang dinikahi makruh dari kalangan anak dara. Bahkan, dari segi amalannya, nikah *mut‘ah* tidak diamalkan oleh wanita dari golongan atasan.

## **BIBLIOGRAFI**

- “Britain: Islamic Temporary Marriage on Rise.” <http://www.gatestoneinstitute.org/3748/uk-islamic-temporary-marriages>. Diakses pada 2 Mei 2014.
- “Fenomena Kawin Mutah Para Pria Arab di Puncak.” [www.youtube.com/watch?v=3SSDoF1nJv0](http://www.youtube.com/watch?v=3SSDoF1nJv0). Diakses pada 29 Oktober 2014.

- “I do... for now. UK Muslims revive temporary marriages.” <http://www.bbc.co.uk/news/uk-22354201>. Diakses pada 2 Mei 2014.
- “Iran Permits Brothels Through Temporary Marriage.” <http://www.albawaba.com/behind-news/iran-permits-brothels-through-temporary-marriages>. Diakses pada 2 Mei 2014.
- “Kawin Kontrak di Puncak.” [www.youtube.com/watch?v=5780eLXOVXNs](http://www.youtube.com/watch?v=5780eLXOVXNs). Diakses pada 29 Oktober 2014.
- “Married for a Minute”, BBC. Diakses pada 13 Mei 2013.
- “Nikah mut‘ah semakin banyak berlaku dalam masyarakat.” <http://www.ismaweb.net/2013/10/>. Diakses pada 2 Mei 2014.
- “Temporary Marriage in Iran,” <http://globalsolutionspgh.org/2012/09/temporary-marriage-in-iran/>. Diakses pada 2 Mei 2014.
- “UK Muslim Test the Waters With Temporary Marriage,” [www.youtube.com/watch?v=tSufKIX-cys](http://www.youtube.com/watch?v=tSufKIX-cys). Diakses pada 2 Mei 2014.
- Abdullah Basmeih. *Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, t. t.
- Abdurraghiem Sallie. *The Book on Muslim Marriage*. New Delhi: Islamic Book Service, 2001.
- Abī al-Fida’ Ismā’īl Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Bayrūt: Dār al-Andalus, 1966.
- Abī Dāwūd. *Sunan*. Hims: Muḥammad ‘Alī al-Sayyid, 1971.
- Aḥmad al-Ḥuṣrī. *Al-Nikāḥ wa al-Qaḍāyā al-Muta‘alliqah bihi*. Cairo: al-Qāhirah al-Ḥadīthah li al-Ṭibā‘ah, 1967.
- Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal. *Musnad*. Miṣr: Dār al-Ma‘ārif, 1948.
- Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī. *Tafsīr al-Marāghī*. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1974.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Ahdal, Muḥammad ‘Abd al-Raḥman Syāmilah. *Nikāḥ al-Mut‘ah Dirāsah wa Taḥqīq*. Dimasyq: Mu’assasah al-



- Khāfiqīn wa Maktabatuhā, 1983.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl. *Ṣaḥīḥ*. Cairo: al-Ṭibā’ah al-Munīriyyah, 1930.
- Al-Ḥāzimī. *Kitāb al-I’tibār fī Bayān al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthar* (Hyderabad: Dā’irah al-Ma’ārif, 1359H/1940).
- Al-Nawawī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyā Yahyā bin Syarf. *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār al-Qalam, 1986.
- Al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad. *Nayl al-Awṭār*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999).
- Al-Ṭabarī, Abī Ja’far Muḥammad bin Jarīr. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Miṣr: Dār al-Ma’ārif, t. t.
- Al-Tirmīzī, Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah. *Sunan al-Tirmīzī*. Miṣr: Maktabah al-Bābī al-Ḥalabī, 1956.
- Asaf A.A Fyze. *Outlines of Muhammadan Law* (edited and revised by Tahir Mahmood). New Delhi: Oxford University Press, 2008.
- Baidhowi, HB. “Maraknya Nikah Mut’ah di Indonesia: Sebuah Penomena Hukum,” <http://www.ms-aceh.go.id/informasi-umum/artikel/124-maraknya-nikah-mutah-di-indonesia.html>. Diakses pada 29 Oktober 2014.
- Dwight M. Donaldson. “Temporary Marriage in Iran.” *The Moslem World* 26, no. 4, 360.
- Hammudah ‘Abd al-‘Ati. *The Family Structure in Islam*. Indiana: American Trust Publication, 1995.
- Jamal J. Nasir. *The Islamic Law of Personal Status*. Leiden, Boston: Brill, 2009.
- Muḥammad Abū Zuhrah. *Muḥāḍarat fī ‘Aqd al-Ziwāj wa Atharuhu*. T.t.p.: Jāmi‘at al-Duwal al-‘Arabiyyah, 1958).
- Muḥammad Ḥusayn Ṭabāṭabā’ī. *Shi’a* (trans. Sayyid Ḥusayn Naṣr). Qum: Ansariyan Publications, 2001.
- Muḥammad Jawād Mughniyah. *Fiqh al-Imām Ja’far al-Ṣādiq: ‘Ard wa Istidlāl*. Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1965.
- Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1978.
- Rasyīd Riḍā. *Mukhtaṣar Tafsīr al-Mannār* (Ta’līq: Muḥammad Ahmad Kan‘ān). Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1984).

Sachiko Murata. *Temporary Marriage (Mut'a) in Islamic Law*. Qum: Ansariyan Publication, 1991.

Shahla Haeri, "Power of Ambiguity: Cultural Improvisations on the Theme of Temporary Marriage." *Iranian Studies* 19, no. 2 (1986): 124.

Tamilla F. Ghodsi, "Tying a Slipknot," *Michigan Journal of International Law* 15 (1994): 645.

Tauqir Mohammad Khan & M.H Syed. *Law of Marriage and Divorce in Islam*. New Delhi: Pentagon Press, 2007.

Wahbah al-Zuḥaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dimashq: Dār al-Fikr, 2004.